

Tuan Jeguk Ngamo (Individu)

CADANGAN

UNTUK MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PARLIMEN
(Parliamentary Select Committee)

BERHUBUNG DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
JAM 9.30 PAGI, 8 & 9 DISEMBER 2011 (KHAMIS & JUMAAT)
DI BILIK GERAKAN NEGERI, WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA, KUCHING, SARAWAK

PENDAHULUAN

SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1 MALAYSIA YANG BERHORMAT TAN SRI PENGURUSI JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PARLIMEN, AHLI-AHLI YANG BERHORMAT, DATUK-DATUK, DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

NAMA SAYA IALAH JEGUK NGAMO, MYKAD; 590110-13-5049, BERALAMAT DI 892, LORONG A1, TAMAN SATRIA JAYA, BDC STAMPIN, 93350 KUCHING, SARAWAK. SAYA IALAH SETIAUSAHA PBB CAWANGAN N.16 BENGOH, PENGUNDI PARLIMEN P.198 MAMBONG, DUN N.16 BENGOH, DAERAH 198/16/04 KROKONG, BAU.

TERLEBIH DAHULU SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA SPR KERANA BERJAYA MELAKSANAKAN PROSES DEMOKRASI YANG SIHAT DI MALAYSIA AMNYA DAN DI NEGERI SARAWAK KHASNYA. KITA TIDAK BOLEH NAFIKAN BAHAWA DEMOKRASI CUKUP SIHAT DI NEGARA MALAYSIA KERANA PEMBANGKANG PUN BERJAYA MENAKLUKI BEBERAPA NEGERI, ORANG MUDA DAN SANGAT MENTAH DALAM POLITIK PUN BOLEH MENANG DAN ORANG PALING BERPENGELAMAN DAN BEKAS MENTERI BOLEH KALAH.INI MENUNJUKKAN KUASA PENGUNDI ADALAH KUASA MUTLAK DAN PENENTU SIAPA YANG AKAN MENJADI WAKIL RAKYAT MEREKA. DEMOKRASI HIDUP!

BERDASARKAN MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG SAYA TERIMA DAN JUGA SECARA PENGLIBATAN SAYA SENDIRI SECARA LANGSUNG DI PILIHAN RAYA YANG LEPAS, BAGI PIHAK PENGUNDI DAN TENAGA KERJA YANG TERLIBAT SAYA MEMBENTANGKAN 10 CADANGAN DAN 5 SOALAN UNTUK MENAMBAIK PROSES PILIHAN RAYA.

CADANGAN 1

CADANG CUTI UMUM DI HARI MENGUNDI

WALAUPUN HARI MENGUNDI SELALU BERLAKU PADA HARI SABTU DIMANA PEJAWAT AWAM TIDAK BEKERJA, NAMUN RAKAN MEREKA DI SYARIKAT SWASTA TIDAK BERNASIB BAIK.

HARI MENGUNDI HANYA BERLAKU 5 TAHUN SEKALI, JUSTERU ADALAH WAJAR DI ISTIHARKAN CUTI UMUM UNTUK MEMBERI PELUANG DAN MASA YANG SECUKUPNYA KEPADA PEKERJA SYARIKAT SWASTA TURUN MENGUNDI.

CADANGAN 2

CADANG PENDAFTARAN PEMILIH IKUT KEMAHUAN DAN NIAT PEMOHON

RAMAI PENDUDUK KAMPUNG SUDAH BERHIZRAH KE BANDAR DAN MEMPUNYAI ALAMAT DALAM MAYKAD BANDAR, TEMPAT DIA TINGGAL.

KEMAHUANNYA ADALAH UNTUK MENGUNDI DI KAMPUNGNYA SENDIRI NAMUN SEKIRANYA DIA MENDAFTAR DIRI SEBAGAI PEMILIH, MAKA BELIAU AKAN MENGUNDI DI DAERAH YANG TERDEKAT DENGAN ALAMAT BELIAU TINGGAL.

SEKIRANYA BELIAU MENUKAR MYKAD MENGIKUT ALAMAT KAMPUNGNYA, BELIAU HARUS MEMBAYAR RM10.00 DAN BANYAK LAGI MASALAH LAIN AKAN TIMBUL SEPERTI SURAT-MENYURAT, DAN SEBAGAINYA.

PERKARA INI MENYEBABKAN RAKYAT YANG LAYAK UNTUK MENDAFTAR TAPI ENGGAN MENDAFTAR SEBAGAI PEMILIH.

PENDUDUK SEPERTI DI ATAS SEHARUSNYA DIBERI HAKNYA IAITU HAK UNTUK MEMILIH TEMPAT MENGUNDI MENGIKUT KEMAHUANNYA DENGAN MANA-MANA CARA YANG SESUAI SEPERTI BERIKUT:-

- A) SURAT PENGESAHAN DARI KETUA KAMPUNG ATAU PENGHULU YANG BELIAU BERASAL DARI KAMPUNG TERSEBUT, ATAU;
- B) PENGESAHAN MELALUI SIJIL KELAHIRAN, ATAU;
- C) PENGESAHAN MELALUI SURAT PERKAHWINAN BERSAMA-SAMA DENGAN SLIP PENDAFTARAN SPR YANG MENUNJUKKAN SUAMI/ISTERI BELIAU ADALAH PENGUNDI DI KAMPUNG TERSEBUT, ATAU;
- D) PENGESAHAN MELALUI SLIP PENDAFTARAN SPR YANG MENUNJUKKAN BAPA/IBU BELIAU ADALAH PENGUNDI DI KAMPUNG TERSEBUT, ATAU;
- E) MELALUI PERISTIHARAAN PERIBADI (STATUTORY DECLARATION) YANG MENGATAKAN BELIAU BERASAL DARI KAMPUNG TERSEBUT.

CONTOH: (RUJUK PELAN YANG DILAMPIRKAN)

KPG. LEDAN MEMPUNYAI LEBIH KURANG 40 PENGUNDI YANG MENGUNDI DI KAMPUNG GUMBANG, 31 KM JAUH DARI KAMPUNG. TEMPAT MENGUNDI YANG PALING DEKAT DENGAN KPG. LEDAN ADALAH KPG. PANGKALAN TEBANG HANYA SEJAUH 1.5KM. SAYA TIDAK DAPAT MENUKAR TEMPAT MENGUNDI MEREKA KERANA ALAMAT DALAM MYKAD ADALAH KPG. GUMBANG.

KEBEBAAN RAKYAT HARUS MERANGKUMI KEKEBASAN MEMILIH TEMPAT MENGUNDI SECARA BEBAS MENGIKUT KEMAHUAN RAKYAT ITU SENDIRI BUKAN TERLETAK DI ATAS KERTAS (MKKAD).

CADANGAN 3

CADANG PERIKSA NAMA PENGUNDI SECARA 'ONLINE' DI HARI MENGUNDI SELAIN MENGGUNAKAN SENARAI PEMILIH

PERNAH BERLAKU DIMANA PENGUNDI DATANG MENGUNDI DAN MENDAPATI NAMANYA TIDAK ADA DALAM SENARAI. SEKIRANYA KAEDAH PEMERIKSAAN SECARA 'ONLINE' DISEDIAKAN, MAKA STATUS TEMPAT MENGUNDI BELIAU BOLEH DIPERIKSA DENGAN SERTA MERTA.

BELIAU MASHI ADA MASA UNTUK PERGI MENGUNDI SEKIRANYA NAMANYA DIPINDAHKAN KE KAMPUNG LAIN.

CADANGAN 4

CADANG MENYEDIAKAN INJIN JANA KUASA (GENERATOR SET) DI PUSAT MENGIRA UNDI

BERDASARKAN PENGALAMAN PADA 16.4.2011, JAM 2 PTG, PILIHAN RAYA NEGERI YANG LEPAS DIMANA SMS TELAH DISEBARKAN SECARA MELUAS MENGATAKAN BN AKAN SENAJA MENYEBABKAN 'BLACK-OUT' KONONNYA BN AKAN MENUKAR PETI UNDI DALAM MASA TERSEBUT UNTUK MEMBERI KEMENANGAN KEPADA BN. SMS TERSEBUT SETERUSNYA MENYERU AGAR PENGUNDI BN TAK PERLU TURUN MENGUNDI KERANA BN SUDAH SAH AKAN MENANG. WALAUPUN SMS INI ADALAH PROPAGANDA KEMPEN NAMUN PERKARA INI BOLEH MENIMBULKAN SITUASI YANG BOLEH MENGGUGAT KESELAMATAN DAN MARUAH SPR.

JUSTERU, SPR HARUSLAH MENYEDIAKAN INJIN JANA KUASA (ON STANDBY) DI PUSAT MENGIRA UNDI UNTUK Mengelak kerja-kerja 'SABOTAJ' BERLAKU DI MASA AKAN DATANG.

CADANGAN 5

CADANG HANYA SATU PERMIT SAHAJA DIPERLUKAN SEMASA BERKEMPEN

DI KAMPUNG SERATAU, SIBURAN, YB DATO' DR JAMES DAWOS MAMIT, TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN MERANGKAP AHLI PARLIMEN P.198 MAMBONG YANG BERKEMPEN UNTUK CALON BN DR. JERIP SUSIL TELAH DIARAH BERHENTI BERUCAP DISEBABKAN PIHAK PENGANJUR LUPA MOHON PERMIT. PERKARAINI SANGAT BIADAB, MEMALUKEKAMI KERANA TIDAK PERNAH BERLAKU DALAM ADAT BIDAYUH DAN YB DATO' PULA ADALAH TETAMU JEMPUTAN DAN ORANG TERHORMAT DI KAMPUNG TERSEBUT. WALAUPUN TIDAK ADA MASALAH BERLAKU, PIHAK POLIS TETAP DENGAN PENDIRIAN MEREKA UNTUK MEMBERHENTIKAN MAJLIS KONONNYA TAKUT PIHAK LAWAN MELAPORKAN PERKARA TERSEBUT KEPADA SPR.

JUSTERU SAYA MENCADANGKAN SUPAYA SATU PERMIT POLIS SAHAJA DIPERLUKAN UNTUK SEMUA PERHIMPUNAN SEMASA BERKEMPEN. DALAM PERMIT TERSEBUT BOLEHLAH DISENARAIKAN TEMPAT & MASA BERKEMPEN DAN ANGGARAN JUMLAH KEHADIRAN.

CADANGAN 6

CADANG CALON SEHARUSNYA PENGUNDI DI KAWASAN BELIAU BERTANDING

CALON YANG HENDAK BERTANDING HARUSLAH PENGUNDI BERDAFTAR DI KAWASAN BELIAU HENDAK BERTANDING UNTUK MENGELAKKAN BAKAL-BAKAL CALON MELOMPAT KE SINI KE SANA UNTUK MENCUBA NASIB.

JAWATAN SEBAGAI WAKIL RAKYAT DISUSULI DENGAN TANGGUNGJAWAB TERHADAP MASYARAKAT YANG BELIAU BAKAL WAKILKAN. JUSTERU BAKAL-BAKAL CALON PERLU MERANCANG KAWASANNYA DENGAN LEBIH AWAL SEBELUM PILIHANRAYA.

MAKA TANGGUNGJAWAB BELIAU YANG PERTAMA ADALAH UNTUK MENJADI PENGUNDI DI KAWASAN BELIAU BAKAL BERTANDING.

CADANGAN 7

CADANG PAMIRKAN SENARAI PENGUNDI DI TEMPAT MENGUNDI

SENARAI PENGUNDI PERLU DIPAMIRKAN DI SEMUA TEMPAT MENGUNDI SEHARI SELEPAS PENAMAAN CALON UNTUK MEMBOLEHKAN PENDUDUK SETEMPAT BUAT SEMAKAN. CONTOH CARA MENGUNDI JUGA PERLU DIPAMIRKAN, PROMOSIKAN TANDA 'X' SAHAJA.

PENGUNDI YANG HILANG DALAM SENARAI BOLEH SEMAK SECARA 'ONLINE' DAN AMBIL TINDAKAN YANG PERLU SELANJUTNYA.

PROSES PENGUNDIAN AKAN MENJADI MUDAH DAN LEBIH CEPAT KERANA PENGUNDI SUDAH TAHU NOMBOR MEREKA DALAM SENARAI YANG DIPAMIRKAN. ORANG YANG PERTAMA KALI MENGUNDI JUGA AKAN TAHU CARA MENGUNDI SEKIRANYA DIPAMIRKAN CONTOH DAN CARA MENGUNDI.

PARTI YANG BERTANDING DILARANG BOLEH BUAT KERJA INI KERANA MEREKA AKAN LEKATKAN LOGO ATAU NAMA PARTI MEREKA KEPADA KERTAS SENARAI TERSEBUT.

CADANGAN 8

CADANG PANTAU TEMPAT MENGUNDI SEBELUM HARI MENGUNDI

SPR HARUS PERGI MEMBUAT PEMANTAUAN TERHADAP SEMUA TEMPAT MENGUNDI UNTUK MENENTUKAN KESUAIAN TEMPAT SEBAB BALAI RAYA SELALU BERTUKAR WAJAH DALAM TEMPOH 5 TAHUN.

CONTOH:

TEMPAT MENGUNDI DI KAMPUNG KOPIT (N.16 BENGOH) DILAKUKAN DI BALAI RAYA LAMA YANG KECIL, GELAP DAN PANAS SEDANGKAN DEWAN SERBAGUNA YANG CUKUP SELESA TIDAK DIPERGUNAKAN.

CADANGAN 9

PENDAFTARAN PENGUNDI BARU

MEMAKSA ORANG UNTUK MENGUNDI MELALUI PENDAFTARAN OTOMATIK MELANGGAR HAK ASSASI BELIAU SEBAGAI MANUSIA. RAKYAT HARUS DIBERI PILIHAN SAMA ADA HENDAK MENDAFTAR ATAU TIDAK.

JUSTERU SPR HARUS MENERUSKAN KAEDAH SEKARANG UNTUK DAFTAR SECARA MANUAL, SEKURANG-KURANGNYA KITA TAHU SAMA ADA ORANG YANG KITA DAFTAR ITU HIDUP ATAU TIDAK.

CADANGAN 10

PEMBERSIHAN SENARAI PENGUNDI YANG SUDAH MENINGGAL DUNIA

KETUA KAMPUNG BOLEH MEMBANTU MENYENARAIKAN PENGUNDI-PENGUNDI YANG SUDAH MATI UNTUK SPR. MASALAHNYA IALAH KEMANAKAH SENARAI TERSEBUT DI MAJUKAN? KALAU MENGHARAPKAN KETUA KAMPUNG MENGHANTAR SENARAI TERSEBUT KE PEJABAT SPR, SENARAI TERSEBUT MUNGKIN TIDAK AKAN SAMPAI.

JUSTERU, SAYA CADANG SPR BERUNDING DENGAN PEJABAT RESIDEN ATAU PEJABAT DAERAH SUPAYA SENARAI TERSEBUT DIMAJUKAN KEPADA MEREKA DAN MEREKA MAJUKAN SENARAI KEPADA PEJABAT SPR.

SOALAN-SOALAN

SOALAN 1

ADAKAH WAJAR ATAU BETUL DISISI UNDANG-UNDANG UNTUK BERKEMPEN SECARA BERGERAK MENGGUNAKAN KENDERAAN DAN SISTEM SUARA, SEBAB BUNYI BERLEBIHAN MENGGUGAT KETENTERAMAN ORANG LAIN?

SOALAN 2

ADAKAH MEMBERI MINUMAN KEPADA PENGUNDI SELEPAS MENGUNDI DIKTIRAFKAN RASUAH?

SOALAN 3

PERLUKAH DIFESTIKAN SEMUA CALON YANG BERTANDING MENYEDIAKAN EJEN DISEMUA TEMPAT MENGGUNDI DAN TEMPAT MENGIRA UNDI KERANA RAMAI CALON TIDAK MENYEDIAKAN EJEN MASING-MASING?

SOALAN 4

ADAKAH EJEN TEMPAT MENGUNDI PERLU MEMBAWA BORANG A SEMASA BERTUGAS DI HARI MENGUNDI?

NOTA:

EJEN KAMI MEMPUNYAI KAD PENGENALAN DIRI YANG DIKELURKAN SPR TETAPI TIDAK MEMBAWA BORANG A (BORANG SUMPAH). APABILA MENERIMA BANTAHAN DARI EJEN PARTI LAWAN KETUA TEMPAT MENGUNDI TIDAK MEMBENARKAN EJEN KAMI MELAKSANAKAN TUGAS MEREKA, TETAPI SELEPAS PENGKIRAA UNDI EJEN YANG SAMA TIDAK MAHU TANDATANGAN BORANG LAPORAN KERANA PARTINYA KALAH.

SOALAN 5

BAYARAN SAGUHATI PENOLONG PENDAFTAR PEMILIH (WAKIL PARTI POLITIK)

PBB N.16 BENGOH MEMPUNYAI BEBERAPA AHLI YANG DILANTIK SEBAGAI PENOLONG PENDAFTAR PEMILIH OLEH SPR. MEREKA TANYA MACAM MANA DENGAN BAYARAN YANG DIJANJIKAN YANG SEHINGGA KINI BELUM DIBAYAR LAGI? MEREKA TANYA CARA DAN KAEDAH PEMBAYARAN OLEH SPR, APAKAH JUMLAH MINIMANYA?


KESIMPULAN

SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PARLIMEN KERANA MEMBERI PELUANG UNTUK SAYA MEMBENTANG CADANGAN DAN MENGEJUKAN SOALAN-SOALAN DAN KEPADA SEMUA YANG HADIR TERIMA KASIH KERANA SUDI MENDENGAR.

SEDIA UNTUK MENERIMA SOALAN.

LAMPIRAN UNTUK CADANGAN 2

PENGUNDI TINGGAL DI KAMPUNG LEDAN
MENGUNDI DI KAMPUNG GUMBANG
KERANA ALAMAT DALAM MYKAD ADALAH KAMPUNG GUMBANG



YUES ANAK NYAGOI

WARGANEGARA PEREMPUAN

KAMPUNG GUMBANG
94000 BAU
SARAWAK

KETUA PENGARAH
PENDAFTARAN NEGARA
551220-13-5048-02-01
(K640749)

KETUA PENGARAH

PENDAFTARAN NEGARA
888-12-5848

551220-13-5048-02-01

(K640749)





SEMAKAN DAFTAR PEMILIH

Sila Masukkan NOMBOR KAD PENGENALAN (tanpa "-" atau "space")

551220135048

Klik "[Semakan Ibu Rumah](#)" untuk menyemak lebih dari seorang pemilih secara serentak

DAFTAR PEMILIH YANG TELAH DISAHKAN

PERKARA	PENERANGAN
Kad Pengenalan	551220135048 / K640749
Nama	YOES ANAK NYAGOI
Tarikh Lahir	20 Dec 1955
Jantina	PEREMPUAN
Lokaliti	198 / 16 / 28 / 001 - KG GUMBANG
Daerah Mengundi	198 / 16 / 28 - GUMBANG
DUN	198 / 16 - BENGOKH
Parlimen	198 - MAMBONG
Negeri	SARAWAK
STATUS REKOD	-


Untuk sebarang maklumat, sila klik : [DISINI](#)

Copyright © 2008 © Election Commission Malaysia
 TEL : 03-8885 6500 | FAX : 03-8888 9112
 Date : 9 Disember 2011

** NOTA : Bagi Permohonan Baru atau Tukar Alamat Sahaja		
No	JENIS STATUS	PENERANGAN
1	"PENGESAHAN DITANGGUHKAN KERANA PARLIMEN DIBANTAH"	<p>Prosedur Bantahan ialah proses di mana terdapat orang yang namanya dalam Daftar Pemilih Induk (DPI) bagi kawasan pendaftaran berkenaan, iaitu dalam Bahagian Pilihan Raya Parlimen, membantah kemasukan nama orang lain ke dalam Daftar Pemilih Tambahan yang sedang dipamerkan sewaktu tempoh Pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan. Bantahan juga boleh berlaku apabila pemohon yang namanya terdapat dalam Daftar Pemilih Tambahan yang dipamerkan, membantah kemasukan namanya sendiri atau nama orang lain dalam Daftar Pemilih Tambahan yang sedang dipamerkan. Prosedur bantahan ini adalah suatu prosedur yang dibenarkan sebagaimana diperuntukan Peraturan 15(1) (a) dan (b), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.</p> <p>Pengesahan ke atas kesemua permohonan pendaftaran baru dan permohonan pertukaran alamat bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen yang mempunyai kes Bantahan, ditangguhkan sehingga Pendaftaran negeri, iaitu Pengarah Pilihan Raya Negeri, selesai menjalankan Siasatan Awam untuk kes-kes bantahan yang timbul.</p>

KAMPUNG-KAMPUNG DI KAWASAN KROKONG & TRINGGUS, BAU, SARAWAK

Kawasan Mengundi Negeri/Parlimen : N16 Bengoh/ P.198 Mambong



LEGEND:

R - Q: Jungle Trek 4km

Poling Station (kpg underlined)